

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 29

'Subsidi bersasar tak lonjak kadar inflasi'

'Subsidi bersasar tak lonjak kadar inflasi'

Tidak wajar buat andaian kenaikan kepada 10 peratus akibat tiada lagi bantuan untuk golongan kaya

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Pelaksanaan subsidi bersasar, terutama bahan api tidak semestinya akan mengakibatkan kadar inflasi di negara ini boleh melonjak seperti yang dinyatakan beberapa pihak sebelum ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata adalah tidak wajar untuk membuat andaian kadar inflasi akan naik hanya kerana subsidi bersasar tidak lagi diberikan kepada golongan kaya.

"Tak dapat subsidi minyak bagaimana harga barang naik. Saya tidak nampak kaitan yang menyatakan inflasi boleh naik kepada 10 peratus hanya kerana kita menarik subsidi pada orang kaya."

"Golongan kaya ada wang dan boleh bayar harga minyak serta pembelian barang lain, bagaimana inflasi boleh naik. Jadi, saya tak nampak di mana punca yang boleh naikkan inflasi ini (jika subsidi bersasar dilaksanakan)."



Ahmad bergambar bersama Mohd Sakeri (dua dari kiri), Jay Khairil (empat dari kiri) dan Ahmad Zaini (kiri) pada Majlis Sambutan Aidilfitri BSN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan BSN)

"Berkaitan inflasi pula, kita ada pelbagai kaedah untuk atasi perkara ini," katanya selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Bank Simpanan Nasional (BSN) di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis sambutan Aidilfitri BSN turut dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Timbalan Menteri Kewangan II, Steven Sim Chee Keong.

Turut hadir adalah Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) yang juga Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman serta Pengarang Kumpulan Harian Metro, Hussain Jahit.

Mereka diraikan oleh Ahli Lembaga Pengarah BSN, Mohd Sakeri Abdul Kadir; Ketua Ek-

sekutif BSN, Jay Khairil Jeremy Abdullah dan pengurusan kanan bank itu.

Kerajaan dapat berjimat

Mengulas lanjut, Ahmad Maslan berkata, pemberian subsidi bersasar adalah langkah untuk memperbetulkan keadaan di mana selama ini golongan kaya mendapat subsidi yang lebih banyak berbanding golongan M40 dan B40.

Beliau berkata, apabila subsidi bersasar bahan api untuk RON95 dan diesel dilaksanakan, kerajaan sebenarnya mendapat penjimatan yang tinggi.

"Hasil penjimatan itu boleh digunakan semula untuk tujuan pembangunan ekonomi rakyat serta infrastruktur lain yang diperlukan," katanya.

Ahmad Maslan berkata, harga

minyak RON95 yang kini berada pada RM2.05 adalah disebabkan subsidi kerajaan dibayar kepada pengeluar minyak yang sepatahnya wang itu digunakan untuk rakyat bagi membantu golongan M40 dan B40, sekali gus menekankan kemiskinan tegar.

"Subsidi bersasar saya rasa tentunya akan diteruskan kepada golongan M40 dan B40. Diesel pula kita dah buat keputusan, untuk kenderaan awam akan diteruskan pemberian subsidi."

"Ketika ini Kementerian Kewangan masih dalam proses melengkapkan sistem serta mekanisme subsidi bersasar."

"Tarikh pelaksanaan subsidi bersasar sedang dalam perundingan dan Kabinet akan memutamadkan perkara itu kelak," katanya.